

Bekalan mencukupi, tiada pembelian panik: KPDNHEP

Published on: Sunday, March 15, 2020

By: Ottey Peter



TIMBALAN Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Abd Muis Samsudin (kanan) melakukan pemeriksaan barang keperluan asas di sebuah premis.

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah mengesahkan tiada pembelian panik oleh pengguna di Sabah susulan penularan jangkitan Covid-19 di negeri ini, selepas pemeriksaan harga di seluruh negeri.

Pengarah KPDNHEP Sabah, Georgie Abas berkata pegawai pemantau harga di semua cawangan Kementerian itu di negeri ini telah menjalankan pemeriksaan di 31 premis pasar basah, 13 pasar besar, 48 pasar raya serta 58 kedai runcit dan pasar mini.

Beliau berkata Kementerian akan memastikan bahawa bekalan barangan keperluan asas selain barang kawalan tidak terputus serta dijual pada harga berpatutan.

"Kami telah menjalankan pemeriksaan untuk memastikan barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung dijual pada harga ditetapkan kerajaan. Sehingga kini, bekalan mencukupi bagi barang kawalan di semua peringkat pengilang, pemborong dan peruncit," katanya.

KPDNHEP Sabah telah mengambil langkah proaktif dengan memantau dan memeriksa bekalan barang keperluan asas di seluruh negeri ini bermula Jumaat lepas (13 Mac), susulan berita tentang pembelian panik baru-baru ini disebabkan oleh penularan Covid-19 di negara ini.

Kira-kira 200 pegawai penguatkuasa dan 90 pegawai pemantau harga terbabit dalam pemeriksaan itu.

Abas juga berkata, kementerian merekodkan 438 kes, dengan barang rampasan berjumlah RM236,235.98 dan kompaun dikeluarkan berjumlah RM69,420.

"Kami juga menyelesaikan 353 daripada 395 aduan pengguna, sementara baki 42 kes masih disiasat," katanya sambil mengingatkan semua peniaga di negeri ini supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga semasa penularan jangkitan Covid-19 sekarang ini.

Beliau berkata, tindakan undang-undang sewajarnya boleh diambil terhadap mereka mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda sehingga RM100,000 atau dihukum penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya," katanya.

Sementara itu, seorang jurucakap pasaraya Bataras berkata mereka mendapati permintaan tinggi untuk tuala kertas dan tisu tandas selain cecair pembasmi kuman yang mereka terus tambah semula stok.

